

Headline	Shell taja 936 tong gas		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	17 Feb 2012	Color	Full Color
Section	Setempat	Circulation	324,097
Page No	52	Readership	1,981,000
Language	Malay	ArticleSize	199 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 7,321
Frequency	Daily	PR Value	RM 21,963



KUALA LUMPUR: Shell Malaysia menyampaikan tajaan 936 tong silinder gas untuk diagihkan kepada 19 rumah perlindungan HIV dan Aids di seluruh negara yang akan diuruskan Majlis Aids Malaysia (MAM) selaras dengan tanggungjawab sosial korporat (CSR) syarikat itu bagi membantu golongan yang memerlukan.

Pengurus Besarinya, Julianna Kamaruddin berkata, kerjasama dengan MAM yang dimulakan pada 2010 bertujuan untuk membantu golongan itu dan pada mulanya hanya membabitkan empat rumah perlindungan di Lembah Klang sebelum ia dikembangkan ke seluruh negara untuk tahun ini.

Katanya, golongan HIV tidak sepatutnya diabaikan serta perlu diberikan perhatian agar mereka tidak merasakan diri mereka tersisih dan sumbangan itu sedikit sebanyak diharapkan dapat meringankan beban yang ditanggung.

Menurutnya, Shell memaan-

Shell taja 936 tong gas



BANTU...Juliaana (kiri) menyampaikan replika tajaan kepada Zaman Khan, semalam.

dang serius isu berkaitan HIV dan sudah mengambil langkah bagi membantu mengurangkan penyebaran transmisi terbabit agar golongan itu tidak menjadi mangsa diskriminasi.

“Kami memperuntukkan RM26,000 untuk tajaan ini dan kemungkinan akan dipertingkatkan lagi dari tahun ke tahun supaya keuntungan diperoleh syarikat dapat dikongsi bersama golongan

yang kurang berkemampuan,” katanya selepas majlis penyampaian tajaan itu kepada Presiden MAM, Tan Sri Mohd Zaman Khan di Rumah Perlindungan Solehah 1, di sini, semalam.